

# Khazanah alam di Hutan Simpan Sungai Menyala



## Info

### HUTAN SIMPAN SUNGAI MENYALA

- Selain mempamerkan pelbagai hidupan marin, turut melakukan usaha konservasi spesies hampir pupus;
- Nama Sungai Menyala dikaitkan aktiviti menjala ikan di sungai yang dilakukan Orang Asli, dalam loghat Negeri Sembilan dipanggil sebagai "Menyalo Ikan".
- Hutan Simpan Sungai Menyala berkeluasan 5,470 hektar terhampar hingga ke Kampung Orang Asli Bukit Kepong.
- Pokok jelutong yang berdiameter 200cm bermakna usianya 200 tahun dianggap terbesar di Negeri Sembilan.

→ Port Dickson pusat rekreasi kaya dengan pelbagai aktiviti lasak, jelajah alam sekitar

Oleh Osman Lisut  
manlee@bh.com.my

Ramai beranggapan Port Dickson hanya sekadar memiliki jajaran pantai yang menarik dan dipenuhi pengunjung untuk bermandi-manda pada hujung minggu.

Bagaimanapun, ramai tidak mengetahui Port Dickson memiliki banyak tempat menarik, antaranya Rumah Api Tanjung Tuan, iaitu satu kawasan hutan kecil yang menjadi persinggahan 40,000 burung migrasi ke Utara.

Kira-kira 95 peratus adalah spesies burung pemangsa seperti Helang Lebah (Oriental Honey Buzzard), manakala yang lain adalah Helang Baza Berjambul (Black Baza), Helang Sewah (Japanese Sparrowhawk), Alap-Alap Cina (Chinese Goshawk), Helang Merah (Brahminy Kite) dan Lang Baza Hitam (Grey-faced buzzard).

Memandu sekitar 10 minit, kita boleh singgah di Hutan Simpan dan Rekreasi Sungai Menyala, Pasir Panjang untuk melakukan aktiviti lasak seperti trekking, memerhati burung, melihat hidupan liar, aktiviti malam, berbasikal dan berjogging, melakukan penyelidikan, interpretasi alam serta melawat galeri yang kaya dengan pengetahuan.

Antara spesies pokok yang menarik terdapat di sini ialah pokok jelutong terbesar di Malaysia dianggarkan 10 pemeluk orang dewasa, begitu juga pokok mersawa yang tidak

kurang hebat besarnya.

Jika bernasib baik kita dapat melihat tupai terbang ekor merah (petaurista petaurista) yang menjadikan kawasan ini sebagai kediamannya.

#### Program pemuliharaan

Sempena Hari Bumi Sedunia 2019, Aquaria KLCC dengan kerjasama beberapa agensi mengunjungi Port Dickson bagi program pemuliharaan beberapa spesies dilindungi, malah diancam kepupusan.

Bersama Jabatan Perikanan Negeri Sembilan dan Persatuan Nelayan Port Dickson, 20 ekor yu pasir atau (chiloscyllium punctatum) dilepaskan ke perairan daerah berkenaan. Ia bagi mengekalkan spesies yang hampir pupus ke habitat asalnya.

Pada masa sama boleh dijadikan produk pelancongan bagi mereka yang suka akan

aktiviti snorkeling. Spesies ini tidak berbahaya kepada manusia, sebaliknya kelihatan menarik di dalam air.

Aquaria turut bekerjasama dengan Jabatan PERHILITAN dan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan apabila melepaskan 20 serangga 'Malayan Jungle Nymph' (heteropteryx dilatata) di Hutan Simpan Sungai Menyala.

Program pelepasan serangga bagi menambah spesies hidupan di hutan simpan berkenaan, ditambah pula ia antara spesies dilindungi dan hampir pupus.

Seperti yu pasir, serangga 'Malayan Jungle Nymph' ini ditenak hingga dewasa (mampu berdikari) apabila dilepaskan ke habitat asalnya.

#### Ramai beriadah

Mengenai Hutan Simpan Sungai Menyala, terdapat tarikan lain

seperti Denai Razani, Denai Warisan Hutan, plot herba, Galeri Orang Asli dan Galeri Perhutanan, di mana pasti membuatkan pengunjung terhibur apabila menjelajahnya.

Sebagai pusat edu-ecotourism mendedahkan pengunjung pelbagai ilmu kehutanan. Bagi memudahkan pengunjung ia turut menempatkan dua dorm lelaki dan wanita yang memuatkan 16 katil setiap satu dengan caj RM15 seorang.

Yang turut disediakan dua bilik VIP dengan kadar caj RM100 sebilik. Terdapat juga ruang makan berasingan dan dewan terbuka untuk kemudahan pengunjung.

Bagi keselesaan orang ramai beriadah terdapat 10 basikal dengan kadar sewa RM10 sebuah sehari, manakala pakej trekking selama dua jam dikenakan bayaran RM20 seorang.

